



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KEMASUKAN PERCUMA KE MUZIUM NEGARA SEMPENA SAMBUTAN RANCAKKAN MADANI BERSAMA MALAYSIAKU

PUTRAJAYA, 5 Disember 2025 – Sempena tiga tahun pentadbiran Kerajaan MADANI serta sambutan Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa **kemasukan ke Muzium Negara adalah secara PERCUMA bagi semua warganegara Malaysia pada 6 dan 7 Disember 2025, dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang.**

Inisiatif ini bertujuan menggalakkan masyarakat, khususnya golongan muda dan keluarga, **untuk mendekati sejarah tanah air serta menghargai warisan yang membentuk identiti negara.** Muzium Negara menempatkan empat galeri utama yang memaparkan keseluruhan perjalanan sejarah Malaysia merangkumi era prasejarah, kesultanan Melayu, penjajahan, dan pembangunan negara moden. Pelawat boleh merujuk laman rasmi Muzium Negara bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai galeri dan pameran.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara percaya bahawa **pemahaman sejarah adalah asas penting dalam memupuk perpaduan, memperkukuh nilai kebangsaan dan mempertingkatkan rasa kebersamaan sebagai rakyat Malaysia.** Justeru, usaha membuka akses percuma ini diharapkan dapat memberi peluang yang lebih luas kepada masyarakat untuk kembali menyelami akar sejarah negara.

Kementerian Perpaduan Negara

5 Disember 2025

KPN.100-9/1/16 (102)

